

PROGRAM JIWA MURNI DI KAMPUNG BUKIT, POKOK SENSA KEDAH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2444-program-jiwa-murni-di-kampung-bukit-pokok-sena-kedah

ALOR SETAR, 15 Sept 17 - Pusat Latihan Terbang 2 (Pulatibang 2) dan Institut Latihan Instruktur Terbang (ILIT) Kolej Tentera Udara telah menganjurkan Program Jiwa Murni bertempat di Kampung Bukit, Pokok Sena Kedah.



Program Jiwa Murni ini dimulakan dengan aktiviti gotong royong, pembersihan kawasan persekitaran Masjid Kg Bukit, Tanah Perkuburan Kg Bukit serta Padang Belia Kg Hujung Bendang. Penduduk Kampung turut memberi bantuan dan kerjasama bagi menjayakan program ini.



Di akhir penutupan program, sejumlah sumbangan telah diberikan kepada Masjid Kg Bukit dan surau Nurul Hasanah, Kg Hujung Bendang yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah PULATIBANG 2, Lt Kol Azman bin Taib TUDM dan diiringi Pegawai Memerintah ILIT, Lt Kol Amir bin Abdullah TUDM kepada Hj Md Lazim bin Che Mad, selaku Bilal Masjid Kg Bukit.



Pegawai Memerintah PULATIBANG 2 telah melahirkan rasa kesyukuran atas peluang yang diberikan untuk melaksanakan program ini. Beliau telah menyatakan salah satu tujuan program yang dilaksanakan ini bagi merapatkan lagi hubungan antara ATM bersama rakyat.

